

# PM adakan lawatan kerja 5 hari ke United Kingdom

Kunjungan  
dijangka teroka  
inisiatif baharu  
bidang  
perdagangan,  
pelaburan

**London:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan kerja lima hari ke United Kingdom (UK), rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Eropah, sebaik sahaja menamatkan lawatan kerja di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK dan Ireland Utara, Datuk Zakri Jaafar, berkata lawatan Anwar ini adalah atas jemputan rakan sejawatan Keir Starmer yang memegang jawatan Perdana Menteri sejak Julai, 2024.

"Lawatan ke UK kali ini adalah lawatan pertama sejak menjadi Perdana Menteri. Ini juga lawatan ke negara Eropah pertama oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi ASEAN," katanya.

Bercakap pada sidang media di pejabat beliau di sini, Zakri berkata, lawatan ini dijangka memberikan nafas baharu di samping memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan UK yang mencakupi pelbagai bidang.

Beliau berkata, ia turut akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi meneroka inisiatif baharu dalam bidang perdagangan dan pelaburan susulan penyertaan UK dalam *Comprehensive and Progressive for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Perdana Menteri yang dijangka tiba di sini pada 10 malam Selasa (6 pagi Rabu di Malaysia) dari Abu Dhabi, akan diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengajian Tinggi,

Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Zakri berkata, hari ini Anwar akan bertemu Starmer di No 10, Downing Street dan perbincangan kedua-dua pemimpin dijangka menyentuh pelbagai isu dua hala serta situasi di Myanmar dan Palestin.

Beliau berkata, kerajaan pimpinan Starmer sudah menggantung penjualan beberapa senjata kepada Israel di samping meminta supaya bantuan kemanusiaan ke Gaza dan Tebing Barat dipercepatkan.

Pada Khamis pula, Anwar dijadual bertemu Yang Dipertua House of Commons, Parliament UK, Lindsay Hoyle.

Zakri berkata, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN bagi 2025 juga akan menggunakan kesempatan lawatan ini untuk membicarakan tumpuan dan hala tuju kepengerusian Malaysia yang bertemakan 'Keterangkuman dan Kemampanan'.

Mengenai kerjasama dalam sektor ekonomi, beliau berkata sehingga November 2024, jumlah perdagangan kedua-dua negara adalah RM15.30 bilion (AS\$3.34 bilion).

Namun, jumlah eksport Malaysia ke UK berkurangan 4.1 peratus kepada RM7.83 bilion (AS\$1.71 bilion) berbanding tahun sebelumnya.

Walaupun jumlah import Malaysia dari UK turut menurun 3.4 peratus kepada RM7.47 bilion (AS\$1.63 bilion), jumlah imbangan dagangan terus memihak kepada Malaysia iaitu RM225.3 juta (AS\$50 juta).

Ketika lawatan itu juga, kedua-dua pihak akan menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman membabitkan *Joint Economic Trade Committee and Other Supporting Mechanism* (MUKJETCO) antara MITI dan Department for Business and Trade (DBT), UK.

"Perdana Menteri juga akan meneruskan usaha menarik pelaburan dari UK melalui Mesyuarat Meja Bulat bersama Kapten Industri di UK membabitkan 40 syarikat tempatan"

Zakri Jaafar,  
Pesuruhjaya Tinggi  
Malaysia ke UK dan Ireland Utara



Zakri berkata, Perdana Menteri juga akan meneruskan usaha menarik pelaburan dari negara ini melalui Mesyuarat Meja Bulat bersama Kapten Industri di UK yang membabitkan 40 syarikat tempatan.

Beliau berkata, Anwar juga akan menghadiri Sesi Libat Urus bersama Ketua Pegawai Eksekutif bagi *Government Linked Investment Companies* (GLIC) dan program InvestMalaysia anjuran Bursa Malaysia, Projek Pelancaran Ladang Solar oleh TNB Malaysia dan Pelancaran Produk oleh YTL Group UK.

"Semua program ini adalah usaha untuk mengetengahkan keupayaan negara dalam merealisasikan aspirasi Kerangka Ekonomi MADANI," katanya.

Pada rangka lawatan ini juga Perdana Menteri akan mengunjungi Battersea Power Station yang juga pelaburan terbesar Malaysia membabitkan dana awam di Eropah.

Anwar juga dijadualkan menyampaikan syarahan umum khas bertajuk *The Adaptive Edge: Malaysia's Global Strategy in an Uncertain Era* di London School of Economics (LSE) serta merasmikan Auditorium Malaysia di situ.

Auditorium berkenaan dinamakan Auditorium Malaysia sebagai satu penghargaan kepada usaha berterusan oleh alumni LSE Cawangan Malaysia yang sentiasa aktif dalam hal ehwal masyarakat di Malaysia dan di UK.

Zakri berkata, pada Jumaat, Anwar akan bersolat di East London Mosque dan disusuli dengan pertemuan bersama komuniti Islam tempatan sebelum menyumbang naskhah al-Quran terbitan Nasyrul Quran di Putrajaya dengan terjemahan bahasa Inggeris kepada pihak masjid.

Beliau juga akan menjadi hos bagi Majlis Ramah Mesra bersama kira-kira 700 diaspora Malaysia di United Kingdom pada 17 Januari sebelum berlepas ke Brussels dua hari kemudian.

BERNAMA